

PEKELILING JABATAN KEWANGAN BIL. 7/2016

Ketua Jabatan/Pusat/Unit/Displin
Pengurus-Pengurus Jururawat
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM

YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENYELARASAN PENGURUSAN BENGKEL/SEMINAR BERBAYAR BAWAH UNIT PEMBANGUNAN PERNIAGAAN (BDU), JABATAN KEWANGAN, HCTM, PPUKM

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas dan dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan HCTM, PPUKM Bil. 11/2016 bertarikh 5 April 2016 bersetuju meluluskan penyelarasan pengurusan bengkel/seminar berbayar bawah BDU, Jabatan Kewangan seperti berikut :-

- i. Pengurusan fungsi dan aktiviti Unit Pembangunan Perniagaan (BDU) diletakkan sepenuhnya di bawah Jabatan Kewangan tanpa perlu penyelarasan ;
- ii. Tiada caj perkhidmatan termasuk *parking account* sebagai satu inisiatif menggalakkan PTj menjana pendapatan secara berterusan ;
- iii. Pemakluman baki tabung warga seminar PTj dimaklumkan secara email oleh BDU setiap akhir bulan.
- iv. Kadar jamuan menggunakan Pekeliling Bendahari UKM Bil. 4/2016- Peraturan Mengadakan Jamuan.
- v. Bayaran penceramah/fasilitator terutamanya pihak luar menggunakan kaedah pendahuluan dibenarkan tertakluk kepada peraturan bayaran HCTM, PPUKM yang digunakan.
- vi. Sebarang kerugian penganjuran bengkel/seminar akan ditanggung bersama oleh semua pegawai dan ahli PTj tersebut.
- vii. BDU dengan kerjasama Jabatan Sumber Manusia akan menawarkan khidmat *event management* bagi penganjuran bengkel/seminar sebagai langkah untuk mengurangkan beban kakitangan PTj dan lebih mesra pelanggan.
- viii. Kadar peratusan agihan keuntungan bagi penganjuran seminar/bengkel. (Rujuk Lampiran 1)



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 3962


Jabatan Kewangan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603 – 9145 5228/7969/7977 Faksimili: +603 – 91738606 Laman Web:
<http://www.ppukm.ukm.my>

ix. Carta Alir Pengurusan Penganjuran Bengkel/Seminar Berbayar HCTM, PPUKM.
(Lampiran 2)

Kerjasama YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon agar perkara ini dapat dipanjangkan kepada semua kakitangan di bawah seliaan YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, perhatian dan makluman YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan terima kasih.

Yang benar,


NORINI MOHAMAD

Ketua
Jabatan Kewangan
Pusat Perubatan UKM

- s.k - Dekan Fakulti Perubatan dan Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM
- Timbalan-Timbalan Dekan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM
 - Ketua Pegawai Operasi, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM
 - Ketua Jabatan Sumber Manusia, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM
 - Fail Edaran

azreen/sah/surat/pekeliling



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 3962

Jabatan Kewangan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603 - 9145 5228/7969/7977 Faksimili: +603 - 9173 - 8606 Laman Web:
<http://www.ppukm.ukm.my>

KADAR AGIHAN PENGANJURAN BENGKEL/SEMINAR BERBAYAR HCTM, PPUKM

Bil	Keterangan	Kadar Peratus Agihan Keuntungan	Justifikasi
1	Caj Perkhidmatan (5-10%)	Dimansuhkan bagi : a) <i>parking account</i> b) Bengkel/seminar anjuran PTj berbayar	Sebagai inisiatif HCTM, PPUKM melaksanakan PTj menjana secara berterusan.
2	Anjuran bengkel/seminar menggunakan fasiliti HCTM, PPUKM sahaja. (Tidak termasuk fasiliti Bangunan ASSC/ UNU/ Pra Klinik/ UMBI/ IPG/ kolej)	• PPUKM = 40% • Tabung Warga Seminar PTj = 60%	Penggunaan jenama UKM/PPUKM, fasiliti, utiliti, perkhidmatan bank dan sumber manusia pelbagai gred jawatan
3	Anjuran bengkel/seminar : a) Diadakan luar HCTM, PPUKM (seperti dewan di Bangunan ASSC/ UNU/ Pra Klinik/ UMBI/ IPG/ kolej/ hotel) ; dan b) Melibatkan waktu bekerja rasmi / di luar waktu bekerja rasmi.	• PPUKM = 20% • Tabung Warga Seminar PTj = 80%	
4	Anjuran bengkel/seminar : a) Tidak menggunakan Tabung Seminar PPUKM b) Diadakan di dalam/luar HCTM, PPUKM	• PPUKM = 20% • Caj dikenakan atas fasiliti hospital yang digunakan mengikut kadar semasa.	
5	Anjuran bengkel/seminar oleh PPUKM. Contohnya, Pengurusan Stress/Pengurusan Risiko/ Kursus Pra Perkahwinan	PPUKM = 100%	• Unit Latihan, JSM dan BDU bertindak sebagai urusetia bersama. • PTJ/JSM hanya sediakan penceramah/ fasilitator • Kurangkan kebergantungan terhadap peruntukan latihan Kerajaan

Nota :

- 1) Semua peratus keuntungan untuk PPUKM akan dimasukkan ke Tabung Amanah Khazanah PPUKM.
- 2) Semua peratusan yang dicaj adalah atas untung bersih.

CARTA ALIR PENGURUSAN BENGKEL/BENGKEL (BERBAYAR) ANJURAN PTj HCTM, PPUKM

